

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

**HKT322 - Teori Dan Kaedah Dalam Kesusasteraan Bandingan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi LAPAN (8) soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang bersesuaian, bincang secara kritis apa yang dimaksudkan dengan cara kerja "Sekolah Pemikiran Perancis" dalam Kesusteraan Bandingan. Seterusnya, bandingkan cara kerja tersebut dengan cara kerja "Sekolah Pemikiran Amerika".

[100 markah]

2. Menurut seorang sarjana, "Terdapat beberapa asas persamaan antara karya sastera dari sebuah negara/bangsa dengan karya sastera dari negara/bangsa yang lain. Asas-asas persamaan ini memberi justifikasi kepada timbulnya kajian sastera secara bandingan."

Bincang pernyataan di atas dengan mengemukakan asas-asas dan contoh sebenar hubung kait sastera beberapa negara/bangsa hingga menimbulkan gagasan Kesusteraan Bandingan dalam kalangan sarjana kesusteraan di Eropah.

[100 markah]

3. "I have never found one among them (Orientalists) who could deny that a single shelf of a good European library was worth the whole native literature of India and Arabia" (1835).

Siapakah tokoh yang membuat pernyataan di atas, dan apakah yang anda fahami daripada pernyataan beliau? Bincangkan perkara yang dibangkitkan dengan menghubungkannya dengan periode tertentu dalam perkembangan Kesusteraan Bandingan.

[100 markah]

4. Apakah yang dimaksudkan dengan untung nasib sastera (*literary fortune*) dalam Kesusteraan Bandingan? Berikan jawapan anda dengan rujukan khusus kepada kes perhubungan antara *Hayy Ibn Yaqzan* dalam kesusteraan Arab dengan *Robinson Crusoe* dalam kesusteraan Inggeris, atau kes lain yang anda tahu.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

5. Bincangkan secara umum mod antara disiplin dalam kajian sastera secara bandingan. Seterusnya, dengan mengemukakan contoh-contoh yang bersesuaian, tumpukan perhatian kepada perhubungan antara karya sastera dengan karya satu bentuk seni lain yang anda tahu.

[100 markah]

6. Menurut Lucila Hosillos (1968), "A literary text or work is like a stone that is thrown into water and creates ripples when the water vibrates. A strong (beautiful and meaningful) text vibrates in space (geographically) and time (historically) affecting and influencing other texts (literary and non-literary) nationally and internationally".

Dengan merujuk kepada pernyataan di atas, jelaskan Pendekatan Konsentrik dalam Kesusteraan Bandingan dengan contoh-contoh karya yang bersesuaian.

[100 markah]

7. Kesusteraan Bandingan telah berkembang di belahan dunia bukan Barat. Adalah dipercayai bahawa perkembangan ini ada kaitan dengan soalan-soalan utama tentang kebudayaan kebangsaan dan pencarian jati diri bangsa. Dengan mengemukakan contoh-contoh dalam pengkajian kesusteraan di Afrika atau di Asia, bincangkan sejauh mana perkara ini benar.

[100 markah]

8. "Implicit to comparative literature outside Europe and the United States is the need to start with the home culture and to look outwards, rather than to start with the European model of literary excellence and to look inwards" (Susan Bassnett, 1994).

Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada idea-idea tentang Kesusteraan Bandingan yang ditampilkan oleh sarjana bukan Barat seperti Chidi Amuta and Swapan Majumdar.

[100 markah]

- oooOooo -